



"MENJULANG KEAGUNGAN NABI MUHAMMAD SAW".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ ثُمَّ الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	3
<p>أَرْسَلَهُ عَزَّ وَجَلَّ بَيْنَ يَدَيْ السَّاعَةِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا، فَأَدَّى الْأَمْنَةَ، وَبَلَغَ الرِّسَالَةَ، وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ رَبِّهِ حَتَّى آتَاهُ الْيَقِينَ.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	5
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	6
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan agar terus menerus bertakwa kepada Allah dengan menjunjung segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga dengan itu kita semua diterima sebagai hamba-Nya yang beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.</p>	7
<p>Dalam kesempatan yang sangat berharga ini marilah kita menambah ilmu dan penghayatan dengan meneliti khutbah yang bertajuk "MENJULANG KEAGUNGAN NABI MUHAMMAD SAW".</p>	8
<p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah, Sudah tiba semula musimnya umat Islam di seluruh dunia menggilap dan memperbaharui rasa cinta kepada Nabi Muhammad SAW. Ini semuanya dizahirkan melalui berbagai acara dan aktiviti sambutan seperti qasidah, daurah, muzakarah, halaqah sirah dan sadaqah.</p>	9
<p>Kita yang tidak berpeluang menikmati darjat kemuliaan hidup sezaman dengan Nabi Muhammad SAW tidak mahu ketinggalan untuk bersama memuji dan menggali kehebatan dan kemuliaan yang terdapat pada diri baginda SAW.</p>	10
<p>Benarlah mutiara kata yang sering diulang dan dicanang ketika menyebut kehebatan baginda: أَنْتَ شَمْسٌ أَنْتَ بَدْرٌ، أَنْتَ نُورٌ فَوْقَ نُورٍ</p>	11

<p>أَنْتَ إِكْسِيْرٌ وَغَالِي، أَنْتَ مِصْبَاحُ الصُّدُوْرِ</p>	
<p><i>"Engkaulah mentari dan engkaulah bulan purnama, engkaulah cahaya di atas cahaya, engkaulah emas yang berharga, engkaulah pelita menyinar dada".</i></p>	12
<p>Sambutan memperingati Maulidur Rasul yang diadakan saban tahun adalah menjadi suatu tanggungjawab dan kemestian terhadap umat Islam, sebagai tanda kecintaan dan kemuliaan terhadap Rasulullah SAW yang memiliki akhlak tinggi.</p>	13
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Qalam ayat 4:</p> <p style="text-align: center;">وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيْمٍ ﴿٤﴾</p> <p><i>"Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia".</i></p>	14
<p>Kemuliaan yang Allah kurniakan kepada baginda dijulung setingginya dengan penjelasan bahawa baginda adalah sebagai pembawa rahmat sejagat ke seluruh penduduk alam. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbia' ayat 107:</p> <p style="text-align: center;">وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِيْنَ ﴿١٠٧﴾</p> <p><i>"Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam".</i></p>	15
<p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Kemuncak penghormatan dan ketinggian yang dikurniakan Allah kepada Baginda ialah Allah dan para Malaikat mengucapkan selawat kepadanya dalam erti kata Allah merahmati dan memberkati baginda selama-lamanya dan sesiapa yang berselawat ke atas Nabi SAW, Allah akan membalas ke atasnya 10 kali selawat</p>	16
<p>sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Bin Amru R.Anhuma:</p> <p style="text-align: center;">مَنْ صَلَّى عَلَيَّ عَلَيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا</p> <p><i>"Sesiapa yang berselawat ke atasku sekali, maka Allah SWT akan berselawat ke atasnya sepuluh kali".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	17
<p>Dan firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 56:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	18
<p><i>"Sesungguhnya Allah dan para malaikatnya berselawat kepada Nabi, oleh itu wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu mengucapkan selawat dan salam kepadanya".</i></p>	19

<p>Dalam ayat yang lain Allah menjelaskan bahawa kecintaan kepada Allah itu mestilah merangkumi cinta kepada Nabi SAW dalam erti kata mematuhi dan menerima segala ajaran yang dibawa oleh baginda Nabi SAW, firman-Nya dalam surah ali-Imran ayat 31:</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p style="text-align: center;"> قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ </p>	20
<p><i>“Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.</i></p>	21
<p>Ketinggian darjat yang dikurniakan kepada baginda Nabi Muhammad SAW sebagai manusia pilihan dan penutup segala Nabi dan Rasul telah diwar-warkan dan disebarikan kepada seluruh Anbia’ dan seluruh pengikut mereka, antara lain:</p> <p>Pertama: Nabi Adam AS pernah menyebut nama Nabi Muhammad SAW dalam doanya kepada Allah sekali pun pada masa itu Nabi Muhammad masih belum wujud di alam ini.</p>	22
<p>Diriwayatkan daripada Umar bin al-Khattab R.Anhu bahawa ketika Nabi Adam AS berdoa memohon ampun kepada Allah SWT dengan berkata:</p> <p style="text-align: center;"> يَا رَبِّ أَسْأَلُكَ بِحَقِّ مُحَمَّدٍ لِمَا غَفَرْتَ لِي </p> <p><i>“Wahai Tuhan! Aku memohon kepada-Mu dengan kebenaran Muhammad SAW, agar Engkau ampunkan kesalahanku”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Hakim).</i></p>	23
<p>Kedua: Orang-orang Yahudi sering menjadikan Nama Nabi Muhammad SAW sebagai bahan untuk menakut-nakutkan musuh-musuh mereka. Nama baginda juga dijadikan tawassul ketika mereka berdoa kepada Allah untuk memohon kemenangan terhadap musuh dengan doa:</p>	24
<p style="text-align: center;"> اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ بِحَقِّ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي وَعَدْتَنَا أَنْ تُخْرِجَهُ لَنَا فِي آخِرِ الزَّمَانِ إِلَّا تَنْصُرْنَا عَلَيْهِمْ </p>	25
<p><i>“Ya Allah! Kami mohon dengan kebenaran Nabi yang Ummi (Nabi Muhammad) yang engkau telah janjikan untuk mengutuskannya kepada kami di akhir zaman melainkan engkau berikan kemenangan kepada kami ke atas mereka (musuh-musuh kami).”</i></p>	26
<p>Inilah yang dijelaskan oleh Al-Qurtubi dalam tafsirnya perihal orang-orang Yahudi yang menggunakan nama Nabi Muhammad ketika menghuraikan ayat surah al-Baqarah ayat 89:</p> <p style="text-align: center;"> ...وَكَاثِبُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا... </p>	27

<p>“...sedang mereka sebelum itu sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas kaum kafir musyrik (dengan kedatangan seorang Nabi pembawa Kitab itu)..”.</p>	28
<p>Ketiga: Nabi Allah Isa AS semasa hayatnya pernah menyampaikan berita gembira kepada kaumnya bani Israil tentang kedatangan seorang nabi akhir zaman yang bernama Muhammad dan telah berpesan agar kaum bani Israil beriman dan mengikut ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.</p>	29
<p>Fakta ini dirakamkan dalam al Quran, Firman Allah SWT dalam surah al-Sof ayat 6:</p> <p style="text-align: center;">وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَبْنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَةِ وَمُبَشِّرًا بِرَسُولٍ يَأْتِي مِنْ بَعْدِي اسْمُهُ أَحْمَدُ...</p>	30
<p>“Dan (ingatlah juga peristiwa) ketika Nabi Isa Ibni Maryam berkata: “Wahai Bani Israil, Sesungguhnya aku ini pesuruh Allah kepada kamu, mengesahkan kebenaran kitab yang diturunkan sebelumku, iaitu Kitab Taurat, dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang Rasul yang akan datang kemudian daripadaku - bernama: Ahmad”.</p>	31
<p>Keempat: Sifat keperibadian Nabi Muhammad dan ajarannya telah termaktub dalam kitab Taurat dan Injil</p>	32
<p>dalam surah al-A'raf ayat 157:</p> <p style="text-align: center;">الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي تَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ ...</p>	33
<p>“Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad SAW) Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka”.</p>	34
<p>Demikianlah sebahagian dari keagungan dan kebenaran yang diberikan Allah kepada Nabi Muhammad SAW yang kita sering memperingati sirah dan menghayati serta mengamalkan ajarannya hingga ke akhir hayat. Nabi SAW tetap agung dan dijulang tinggi walaupun ada pihak yang mmbencinya dan menghinanya melalui pelbagai cara.</p>	35
<p>Sesungguhnya keagungan dan kemuliaan Nabi SAW tiada noktahnya. Oleh itu mengakhiri khutbah ini dengan mengamati beberapa taujihat dan saranan yang terkandung di dalamnya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Umat Islam mestilah meyakini bahawa Nabi Muhammad itu adalah semulia-mulia Nabi dan Rasul, bahkan semuli-mulia makhluk yang dijadikan Allah. 2. Umat Islam mestilah istiqamah meyakini bahawa Nabi Muhammad adalah penyudah para Nabi, dan orang-orang yang mendakwa sebagai nabi sesudah Nabi Muhammad SAW adalah murtad dan terkeluar dari Islam. 3. Umat Islam mestilah menzahirkan kecintaan mereka kepada Nabi Muhammad SAW dengan menggali sejarah kehidupannya melalui berbagai acara dan aktiviti yang bersesuaian. 	36

<p>4. Umat Islam wajib mematuhi segala ajaran yang didakwa oleh baginda serta memperbanyakkan selawat dan salam ke atasnya.</p>	
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا</p>	37
<p><i>“Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi Segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); Wahai orang-orang Yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta Ucapkanlah salam sejahtera Dengan penghormatan Yang sepenuhnya”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Ahzab : 56).</i></p>	38
<p style="text-align: center;">بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	39
<p style="text-align: center;">أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	40

KHUTBAH KEDUA.41

42	<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>
43	<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>
44	<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...</p>
45	<p>...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan...</p>
46	<p>...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.</p>
47	<p>Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>
48	<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>
49	<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>
50	<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>
51	<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>
52	<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>

<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ إِنِّيالسُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادريس شاه الحاج</p>	
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	53
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,...</p>	54
<p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakjikan...</p>	55
<p>...dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini. Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan...</p>	56
<p>...pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia,...</p>	57
<p>...satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana...</p>	58
<p>...dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan...</p>	59
<p>...pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, ...</p>	60
<p>... mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	61
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ،</p>	62
<p>إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	63
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	64